

Headline **Perbanyak aktiviti pulihara alam sekitar**
 Date **29 Jun 2009**
 MediaTitle **Utusan Malaysia**
 Section **Dalam Negeri**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
 Page No **27**
 Article Size **393 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **7,767**
 PRValue **23,302**



Perbanyak aktiviti pulihara alam sekitar

KUALA LUMPUR 28 Jun – Sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan diminta mengadakan lebih banyak aktiviti yang boleh menggalakkan pelajar-pelajar melibatkan diri dengan usaha pemuliharaan alam sekitar.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, langkah tersebut penting bagi menyemai dan mendidik mereka agar mencintai kehijauan alam semula jadi bagi membekalkan udara yang segar.

Katanya, melalui usaha tersebut, masalah alam sekitar mampu ditangani bermula dari peringkat akar umbi selain mengekalkan kehidupan yang sihat kepada generasi akan datang.

“Menjaga alam sekitar merupakan tanggungjawab semua dan ia perlu dilakukan oleh semua pihak agar ia menjadi amalan seharian.

“Masalah seperti jerebu dapat diatasi dengan penanaman banyak pokok dan usaha ini perlu dimulakan daripada peringkat sekolah dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan,” katanya selepas menghadiri Program Jungle Ambassador Pengakap Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail 1 (SKTTDI-1) di Pusat Komuniti Taman Tun Dr. Ismail di

sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sulaiman Wak dan Pengetua SKTTDI-1, Nik Nab Sulaiman.

Pada majlis tersebut, sebanyak 306 batang anak pokok Meranti Sengkawang Merah telah ditanam di sepanjang sungai berhampiran pusat komuniti berkenaan.

Program yang mendapat kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu merupakan peringkat kedua di dalam program berkenaan. Fasa pertama membebaskan penyerahan anak pokok Meranti Sengkawang kepada pihak sekolah oleh FRIM.

Raja Nong Chik menambah, beliau berharap lebih banyak sekolah dan institusi pendidikan di Malaysia akan mencontohi usaha sekolah tersebut dalam memelihara alam sekitar.

Jelasnya, aktiviti tersebut akan memberi impak positif kepada perkembangan siasah pelajar dan menyemai sikap sayangkan alam semula jadi di dalam diri mereka.

“Saya berharap lebih banyak sekolah mencontohi sekolah ini dalam menjayakan aktiviti seperti ini,” katanya.



RAJA Nong Chik menanam pokok Meranti Sengkawang Merah sempena Program Jungle Ambassador Pengakap SKTTDI-1 di Pusat Komuniti Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur, semalam.